




MAJLIS BANDARAYA IPOH


NOTIS SEBUT HARGA

Sebut Harga adalah dipelawa daripada syarikat yang masih sah berdaftar dengan **Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB)** mempunyai **Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK)** dan **Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK)** dalam Gred, Kategori, Pengkhususan atau Kod Bidang berkaitan dan yang masih dibenarkan membuat tawaran bagi melaksanakan kerja-kerja seperti yang berikut:-

BIL.	BUTIR-BUTIR SEBUT HARGA	KOD BIDANG / KELAYAKAN	TARIKH DOKUMEN DIJUAL / HARGA DOKUMEN	TARIKH & TEMPAT TUTUP SEBUT HARGA
1.	<p><u>NO. SEBUT HARGA</u> S0078/20</p> <p><u>NO. RUJUKAN</u> F5/5/2/34/20</p> <p>CADANGAN MEMBAIKPULIH DAN MENAIKTARAF SERTA KERJA BERKAITAN UNTUK MENGELAK KEMALANGAN DI LEBUH KLEBANG UTAMA/ MEDAN KLEBANG RESTU, KLEBANG IPOH.</p>	<p>(BUMIPUTERA)</p> <p>GRED: G1</p> <p>KATEGORI: CE</p> <p>PENGGHUSUSAN: CE21</p>	<p><u>TARIKH DIJUAL</u> 12 NOVEMBER 2020 (KHAMIS) HINGGA 19 NOVEMBER 2020 (KHAMIS)</p> <p><u>HARGA DOKUMEN</u> RM30.00 (TIDAK AKAN DIKEMBALIKAN)</p> <p><u>TEMPAT DOKUMEN DIJUAL</u> UNIT PEROLEHAN, TINGKAT 1, BAHAGIAN UKUR BAHAN & PEROLEHAN MAJLIS BANDARAYA IPOH</p> <p><u>WAKTU URUSAN</u> ISNIN-KHAMIS 8:00 PAGI - 1:00 PETANG JUMAAT 8:00 PAGI - 12.15 TENGAH HARI</p>	<p><u>TARIKH TUTUP</u> 20 NOVEMBER 2020 (JUMAAT) 12:00 TENGAH HARI</p> <p><u>LOKASI PENGHANTARAN DOKUMEN SEBUT HARGA</u> PETI TENDER/ SEBUT HARGA UNIT PEROLEHAN TINGKAT 1, BAHAGIAN UKUR BAHAN & PEROLEHAN MAJLIS BANDARAYA IPOH</p>

- Satu salinan 'Naskah Meja Dokumen Sebut Harga' akan dipamerkan di **Unit Perolehan, Tingkat 1, Bahagian Ukur Bahan & Perolehan** mulai **12 NOVEMBER 2020** dari jam **9:00 pagi hingga 4:00 petang** bagi membolehkan penyebut harga menyemak dokumen sebut harga tersebut sebelum membuat pembelian.
- Sekiranya penyebut harga tidak berdaftar dengan Majlis Bandaraya Ipoh, dikehendaki berdaftar terlebih dahulu dengan kadar yang telah ditetapkan. Pembayaran bagi pembelian dokumen dan pendaftaran hendaklah dibuat dalam bentuk **Deraf Bank/Kiriman Wang/Wang Pos** atas nama **MAJLIS BANDARAYA IPOH** dan bayaran ini tidak akan dikembalikan. Dokumen sebut harga hanya dijual kepada syarikat atau wakil yang sah sahaja dengan menunjukkan sijil asal **Sijil Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK) 3 bulan sebelum tamat tempoh** dan **Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) CIDB 60 hari sebelum tamat tempoh** berserta satu salinan sijil tersebut dan **Surat Wakil** bagi bukan pemegang asal sijil.
- Semua dokumen sebut harga mestilah dikemukakan dalam sampul surat berlakri dan ditulis tajuk dan nombor sebut harga berkenaan di penjuru kiri dan dialamatkan kepada **Datuk Bandar, Majlis Bandaraya Ipoh, Jalan Sultan Abdul Jalil, Greentown, 30450 Ipoh** dan dimasukkan ke dalam Peti Sebut Harga di **Unit Perolehan, Tingkat 1, Bahagian Ukur Bahan & Perolehan, Majlis Bandaraya Ipoh**.
- Penyebut harga tidak mempunyai sebarang tunggakan (**Cukai Taksiran/ Kompaun/ Sewaan/ Semak-Samun/ pelbagai tunggakan lain**) dengan Majlis Bandaraya Ipoh. Sekiranya tunggakan ini dijelaskan sebelum atau dalam tempoh penjualan dokumen sebut harga, kontraktor/ pembekal layak untuk menyertai sebut harga ini.
- Majlis Bandaraya Ipoh **tidak terikat** untuk menerima tawaran terendah ataupun sebarang tawaran. Pihak Majlis juga tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang dokumen sebut harga yang tidak terdapat di dalam Peti Sebut Harga setelah Peti Sebut Harga dibuka.
- Bukti penghantaran bukan bukti penerimaan dan keputusan Majlis Bandaraya Ipoh adalah **muktamad**. Sebarang rayuan atau surat menyurat adalah **tidak dilayan**.


HJH SAIDATUL AKMA BT JAMALUDIN, ACM.,AMP
PENGARAH KANAN (KEWANGAN)
MAJLIS BANDARAYA IPOH


SURIANI BINTI ISMAIL
KETUA BAHAGIAN UKUR BAHAN
MAJLIS BANDARAYA IPOH